




# Mahfuz Omar Menang Saman Fitnah Terhadap Sanusi, Peroleh Ganti Rugi RM50,000

November 8, 2021 #Ahli Parlimen Pokok Sena, #Muhammad Sanusi, Mahfuz Omar, Saman Fitnah



Mahfuz Omar Menang Saman Fitnah Terhadap Sanusi, Peroleh Ganti Rugi RM50,000

Mahkamah Tinggi di sini hari ini memerintahkan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor membayar ganti rugi RM50,000

BERITA



Pemandu Timbalan Menteri tak mengaku memandu secara berbahaya, potong 'double line'

November 11, 2021



Bung dapat pelepasan sementara pasport ke Arab Saudi

November 11, 2021



Tukang khianat baling batu dari atas jejambat tol akhirnya ditangkap!

November 10, 2021

PRN Melaka: Rakyat Anggap PH 'Zero' Tidak Prihatin

kepada Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar berhubung kenyataan fitnah melalui hantaran Facebook dua tahun lepas.

Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Mohd Arief Emran Arifin membuat perintah itu selepas membenarkan saman fitnah dikemukakan Mahfuz selaku plaintif terhadap Muhammad Sanusi sebagai defendan.

Peguam Noorazmir Zakaria yang mewakili Mahfuz berkata mahkamah memerintahkan Muhammad Sanusi membayar ganti rugi tersebut dalam tempoh 14 hari mulai hari ini.

"Mahkamah juga memerintahkan defendan (Muhammad Sanusi) menulis permohonan maaf kepada plaintif di laman Facebook milik defendan dalam tempoh 14 hari dan memerintahkan defendan membayar kos tindakan guaman kepada plaintif berjumlah RM15,000. "Perintah-perintah lain yang dikenakan ialah satu injunksi menegah defendan atau ejen-ejennya daripada menerbitkan kata-kata fitnah terhadap plaintif pada masa hadapan," katanya ketika dihubungi pemberita melalui aplikasi WhatsApp selepas keputusan kes saman itu yang berlangsung secara dalam talian, hari ini.

Prosiding itu turut disertai peguam Yusfarizal Yussoff dan Mohd Faizi Che Abu yang mewakili Muhammad Sanusi.

Perbicaraan kes itu berlangsung pada 26 Ogos lalu dengan dua saksi plaintif termasuk Mahfuz dan seorang saksi defendan iaitu Muhammad Sanusi telah memberi keterangan.

Pada 9 Okt 2019, Mahfuz memfailkan saman itu berdasarkan hantaran yang dibuat oleh Muhammad Sanusi dalam akaun Facebooknya pada 30 Julai 2019 yang mengaitkan Mahfuz selaku wakil rakyat bagi kawasan Pokok Sena dalam isu pemindahan Sport Toto ke kawasan itu.

Mahfuz juga mendakwa Muhammad Sanusi menerbitkan satu video berdurasi 7 minit 57 saat di akaun Facebooknya pada 27 Julai 2019 yang memaparkan sekumpulan individu membantah pembukaan Sport Toto di Pokok Sena sambil memegang sepanduk yang tertera nama plaintif.– BERNAMA

Baca Artikel Menarik :

- Dos penggalak COVID-19: 'Pergi klinik, klinik tutup', KKM perkukuh MySejahtera



Rakyat

November 10, 2021



PRN Melaka: Dakwaan Sembilan PDM Bemban Ditutup Tidak Benar

November 10, 2021



PM lakukanlah apa sepatutnya terhadap NGO rasis ini – Prof Ridhuan Tee

November 10, 2021



PRN Melaka: Ambil tauladan, 22 bulan PH memerintah janji bulan bintang

November 10, 2021




PRN Melaka: Pertarungan BN tewaskan PH tinggalkan PN

November 10, 2021

## Cari Makan



Roti canai biawak (video)

November 10, 2021



Siakap hanya RM29.90